

BAB DUA : KAJIAN LITERATUR

A. Pengenalan

Mata pelajaran Pendidikan al-Quran dan as-Sunnah (PQS) merupakan mata pelajaran baru yang diperkenalkan dalam KBM bagi menggantikan mata pelajaran Pendidikan Agama Islam Tinggi (PAIT) dalam Kurikulum Lama Sekolah Menengah (KLSM). Mata pelajaran ini mula diperkenalkan pada tahun 1991 bersama-sama dengan mata pelajaran Pendidikan Syariah Islamiyah (PSI) yang telah turut menggantikan PAIT bermula pada tahun berkenaan.

Kedua-dua mata pelajaran ini (PQS dan PSI) sebenarnya merupakan pecahan daripada PAIT dalam KLSM dengan isi kandungan yang telah diperincikan dan kemasukan beberapa elemen baru sebagai tambahan. Matlamat Falsafah Pendidikan Negara (FPN) yang telah digubal turut diterjemahkan dalam kurikulum PQS ini. Abdul Rafi'e Mahat (2002) dalam kata-kata aluannya terhadap sukanan PQS ini telah menyatakan bahawa;

Matlamat Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah adalah untuk melahirkan murid yang berilmu, beriman, beramal salih dan bertaqwa. Adalah diharapkan murid yang mengikuti mata pelajaran ini dapat membina masyarakat yang beriman, berakhhlak mulia, bersyukur, bersefahaman dan bersatu padu untuk memberi sumbangan terhadap, pembangunan dan kesejahteraan negara (hal. 6)

Berdasarkan kepada Sukatan Pelajaran PQS KBM yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Islam dan Moral (JAPIM) (2002), objektif mata pelajaran ini adalah seperti berikut;

Kurikulum Pendidikan al-Quran dan al-Sunnah membolehkan pelajar dapat;

1. Membaca, menghafaz, memahami, mengamal dan menghayati kandungan al-Quran dalam kehidupan;
2. Membaca, memahami, mengamal dan menghayati kandungan Hadis Rasulullah s.a.w;
3. Memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran dari aspek sejarah, sebab-sebab nuzul ayat serta pengumpulan al-Quran;
4. Mengenali, memahami dan menghurai istilah-istilah tertentu yang digunakan dalam ‘Ulum al-Hadis;
5. Beradab dan berakhhlak mulia dan terpuji, memelihara perpaduan ummah dan sanggup berkorban untuk agama, bangsa dan negara;
6. Menghargai dan menghayati perkembangan dan kemajuan Islam sejak zaman Rasulullah s.a.w. hingga kini dalam bidang pendidikan, ekonomi, sosial, politik dan pembangunan;
7. Mengenali, menyanjungi dan mencontohi tokoh dan ahli fikir Islam yang terkemuka.

Berdasarkan objektif ini, kemahiran untuk membaca al-Quran telah dinyatakan sebagai objektif yang pertama dan mendahului objektif untuk menghafaz ayat-ayat al-Quran. Ini adalah kerana pelajar perlu berupaya untuk membaca potongan-potongan ayat terlebih dahulu sebelum berjaya untuk menghafaznya.

B. Kepentingan Membaca

Membaca adalah satu kemahiran yang sangat penting khususnya dalam situasi masyarakat sekarang yang menjadikan maklumat sebagai sumber kekayaan dan peradaban baru dunia. Apabila teknologi menjadi semakin maju dan berkembang dengan lebih pesat, peluang-peluang pekerjaan yang wujud lebih memerlukan kepada tahap pendidikan dan kemahiran yang lebih tinggi yang mana keupayaan untuk membaca dengan baik menjadi amat penting (Harris dan Sipay, 1975).

Keupayaan membaca juga dikaitkan dengan kemampuan untuk meluaskan pandangan, pengalaman serta pemikiran (Safiah Osman, 1990). Ia turut berperanan dalam proses pembudayaan dan sosialisasi seseorang (Mohd. Taib Osman, 1988). Dalam lapangan pencarian ilmu, kebolehan membaca menjadi semakin penting dan bertambah signifikan.

Dalam dunia pendidikan, kebolehan membaca sangat berkait rapat dengan kemampuan kanak-kanak untuk berkembang dan mendapat peluang pendidikan yang sempurna. Kajian-kajian yang telah dijalankan juga menunjukkan bahawa (contohnya Koh, 1984) pencapaian dalam bacaan mempunyai perkaitan dengan pencapaian dalam bidang-bidang pendidikan lain. Kanak-kanak yang gagal untuk membaca dengan cukup, terutamanya mereka yang tergolong sebagai '*the severely disable readers*', akan terus ketinggalan sepanjang mereka meneruskan dunia persekolahan mereka (Harris dan Sipay, 1975).

Pencapaian dan kelemahan membaca yang rendah juga menunjukkan perkaitan dengan pencapaian rendah, kurang minat belajar dan rendah keyakinan diri (Maimunah Ismail, 1995). Kanak-kanak yang tidak mampu membaca juga mempunyai risiko untuk berasa tidak selamat (insecurity) dan tidak berupaya untuk meneruskan hasratnya di masa hadapan bagi mencapai kepuasan dirinya sendiri (Dechant dan Smith, 1977).

Dalam Islam, keutamaan dan kepentingan umat Islam untuk boleh dan mempunyai kemahiran membaca ini diterjemahkan melalui ayat pertama yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Dalam ayat pertama Surah al'Alaq ini, Allah Taala telah memerintahkan agar umat Islam membaca melalui firman-Nya yang bermaksud ; “Bacalah, dengan nama Tuhanmu yang menjadikan” (al-'Alaq : 1-2).

Dalam ayat yang lain, Allah Taala juga telah mengaitkan membaca dengan keupayaan untuk meneliti dan berfikir akal manusia. Firman Allah Taala ;

﴿ كِتَابٌ أَنزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبَرَّكٌ لَّيَدْبُرُوا إِيمَانَهُمْ وَلَيَتَذَكَّرُ أُولُو الْأَلْبَابِ ﴾

Mafhumnya ; “(Al-Quran ini) sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu (dan umatmu wahai Muhammad), Kitab yang banyak faedah serta manfaatnya, untuk mereka memahami dengan teliti kandungan ayat-ayatnya dan untuk orang-orang yang berakal sempurna beringat mengambil iktibar” (Surah Saad 38 : 29)

Dalam ayat ini, *tadabbur* bukan sahaja bermaksud membaca teks, tetapi turut memberi erti meneliti, mengambil pengajaran dan memikirkan kebenaran yang

disampaikan oleh ayat-ayat Allah Taala. Mohd. Yusuf Ahmad (2000) mengatakan bahawa yang dimaksudkan dengan pembacaan al-Qur'an secara *tadabbur* ialah "membaca dengan mengambil perhatian kepada maksud dan kehendak ayat yang dibaca".

Justeru, keupayaan membaca merupakan sesuatu yang sangat penting dalam kehidupan seharian manusia. Ia menjadi pintu kepada ilmu pengetahuan, asimilasi sosial, apresiasi seni dan kebudayaan serta berupaya untuk membentuk watak bangsa. Dalam dunia era globalisasi ini, pintu kepada 'kekayaan baru dunia ini' terbuka untuk semua dan atas usaha setiap individu dalam masyarakat untuk merebut sebanyak mungkin kekayaan-kekayaan ini melalui keupayaan mereka untuk membaca.

C. Konsep Kemahiran Membaca dan Pembacaan (Tilawah) al-Quran

1. Konsep Umum Proses Membaca

"Membaca adalah penguasaan berbahasa yang lebih tinggi daripada kebolehan bertutur.... Membaca adalah proses yang kebalikan daripada proses menulis..... seseorang pembaca itu menterjemahkan kembali lambang bertulis atau bercap kepada lambang bunyi dan serentak dengan itu memahamkan pemikiran atau konsep yang disampaikan oleh penulis "
(Atan Long, 1988, hal. 296)

Menurut Maimunah Ismail (1995), membaca adalah kebolehan untuk mengenal dan membunyikan huruf, membatang suku kata serta memahami apa yang dibaca. Harris dan Sipay (1975) pula menyifatkan membaca sebagai satu usaha untuk mendapatkan interpretasi yang bermakna tentang lambang-lambang verbal bercetak atau bertulis. Seseorang akan dapat memahami apa yang dibaca apabila berlaku interaksi antara

pengamatannya tentang lambang-lambang yang dibaca, kebolehan berbahasa dan pengetahuan tentang alam sekeliling (Harris, 1964; Harris dan Sipay, 1975).

Membaca dan prosesnya melibatkan proses mental yang tinggi. Ia melibatkan proses kognisi (cognition), ingatan (memory), tanggapan (perception), pengucapan (verbalization), penaakulan (reasoning), daya kreatif dan psikologi (Hassan Langgulung, 1979). Ia melibatkan keseluruhan proses dan struktur mental manusia sebagai individu (Maimunah Ismail, 1995).

Harris (1964) pula menyatakan bahawa proses membaca yang berlaku dalam individu melibatkan proses pengamatan (sensing), penanggapan (perceiving), pencapaian makna (achieving meaning), tindak balas (reacting) dan pembelajaran (learning). Menurutnya, ia merupakan "*is the meaningful interpretation of printed or written verbal symbols*" (Harris, 1964 : hal. 13)

Pendapat ini turut dikongsi oleh Otto et. al.(1974) yang mengatakan bahawa "*reading is not a single process. It is the synthesizing of several processes culminating in a single act*" (hal. 5). Menurutnya, proses ini melibatkan proses psikologikal, pancaindera (sensory), persepsi (perceptual), pengembangan (developmental) dan perkembangan kemahiran (skill-development) (Otto et. al. (1974).

Marohaini Yusoff (1989; 1999) telah menyatakan bahawa proses membaca dapat dirumuskan seperti berikut;

- i. Perlakuan membaca merupakan perlakuan yang susah untuk diperhatikan. Oleh itu proses ini menimbulkan pelbagai teori. Namun, dua kemahiran utama telah dipersetujui berlaku dalam proses ini; iaitu kemahiran mengenal atau mengecam perkataan dan kemahiran memahami apa yang dibaca.
- ii. Dalam proses ini, pengucapan dan menyebut perkataan sahaja tidak diutamakan. Ia perlu dapat berfikir, merasai dan membayangkan serta memahami apa yang dibaca.
- iii. Proses ini memerlukan seseorang itu berfikir, merasai dan membayangkan isi-isi yang dibaca. Ia adalah proses untuk memahami isi, maklumat, penerangan dan mesej yang hendak disampaikan oleh penulis. Tujuannya adalah untuk berinteraksi dengan apa yang dibaca dan mewujudkan hubungan dengan penulisnya.
- iv. Proses ini juga tidak harus berlaku tanpa tujuan, jangkaan dan pengetahuan serta pengalaman lalu tentang apa yang hendak dibaca.
- v. Dalam membaca, terdapat beberapa jenis susun tugas yang perlu dilakukan.
 - a) Mengecam atau mengenal lambang atau perkataan yang dilihat;
 - b) Mengaitkan lambang-lambang atau perkataan itu dengan bunyi atau makna;
 - c) Menterjemahkan makna perkataan dengan mengaitkannya kepada apa yang telah sedia ada dalam kepala;
 - d) Mengumpul dan mencantumkan ide-ide, perkataan dan ayat-ayat sehingga menjadi sebuah ide yang lengkap;

- e) Cuba menghurai atau menjelaskan ide-ide yang didapati kepada diri sendiri, kawan-kawan, guru atau ibu bapa.
- vi. Proses membaca juga merupakan proses yang memerlukan pemikiran yang aktif pada pihak pembaca berdasarkan susun atur tugas yang perlu dilakukan oleh mereka.

Berdasarkan pendapat dan konsep-konsep yang dinyatakan tadi, maka dapat disimpulkan bahawa proses membaca, menurut ahli pendidikan moden, melibatkan pelbagai proses yang berlaku secara spontan dan serentak antara satu sama lain serta saling berkaitan. Ia bermula dengan pengenalan simbol-simbol bertulis sehingga kehadiran pembinaan pemahaman terhadap makna dan maksud yang cuba disampaikan oleh simbol-simbol tersebut. Keseluruhan proses yang terlibat dalam membaca merupakan proses yang bersepadu atau ‘Gestalt’ dan kecatatan yang serius dalam salah satu proses atau fungsinya akan menghalang proses-proses ini daripada berfungsi dengan sepatutnya (Harris dan Sipay, 1975).

Tidak hanya sekadar itu sahaja, pembaca juga seharusnya mampu untuk berinteraksi dengan apa yang dibacanya bagi menjadikan pembacaannya itu sesuatu yang memberi makna dan mempunyai tujuan serta matlamat. Ketidakupayaan untuk memahami apa yang dibaca menjadikan keseluruhan proses pembacaan sebagai sesuatu yang sia-sia dan tidak bermakna (Marohaini Yusoff, 1999; Harris, 1964; Hassan Langgulung, 1979).

2. Konsep Pembacaan al-Quran

Pembacaan al-Quran sememangnya mempunyai perbezaannya yang tersendiri berbanding kemahiran membaca seperti yang diunjurkan oleh ahli-ahli pendidikan moden dan Barat. Perbezaan yang paling nyata dan asas adalah kerana al-Quran bukan merupakan hasil tulisan dan ide manusia, bahkan ia adalah daripada Allah Taala dalam bentuk wahyu kepada manusia. Firman Allah Taala dalam Surah an-Najmi;

﴿ وَمَا يَنْطِقُ عَنْ آهُوَىٰ إِنْ هُوَ إِلَّا وَحْيٌ مُّوحَىٰ ﴾

Mafhumnya ; “Dan tidaklah apa yang diperkatakan (oleh Muhammad) itu lahir daripada hawa nafsunya, bahkan tidaklah ia kecuali ia adalah wahyu yang diwahyukan (oleh Tuhananya)” (Surah an-Najmi 53 : 3 - 4)

Apa yang terkandung di dalam al-Quran adalah merupakan Kalam Allah Taala, yang *mu'jiz* dan terpelihara sehingga hari kiamat (Qadhi, 1999). Sejarah bermulanya pembacaan Kalam Allah ini dimulai dengan turunnya ayat dan wahyu yang pertama dalam Islam (Surah al-'Alaq : 1-5) yang diterima oleh Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW ketika Baginda sedang bertahannuth di Gua Hira', Mekah (Nasr, 1993).

Dalam al-Quran, perintah untuk membaca kitab suci umat Islam ini turun dalam pelbagai cara dan bentuk suruhan. Dalam Surah al-Muzammil (73: 4) sebagai contoh, Allah SWT memerintahkan agar umat Islam membaca al-Quran dengan *tartil*. Firman Allah Taala dalam surah tersebut ;

﴿ وَرَتِيلْ الْقُرْءَانَ تَرْتِيلًا ﴾

Mafhumnya : “..Dan bacalah al-Quran (wahai Muhammad) dengan secara *tartil*”.

Dalam Surah al-Qiamah (75:16-19) pula, Allah Taala telah memerintahkan Nabi Muhammad agar Baginda tidak tergesa-gesa dalam bacaan dalam usahanya untuk menghafaz dan melancarkan bacaan al-Quran yang diterima daripada Jibril AS. Firman-Nya ;

﴿ لَا تُحْرِكْ بِهِ لِسَانَكَ لِتَعْجَلَ بِهِ ﴾ ﴿ إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْءَانَهُو ﴾ ﴿ فَإِذَا قَرَأْنَاهُ فَاتَّبِعْ قُرْءَانَهُو ﴾ ﴿ ثُمَّ إِنَّ عَلَيْنَا بَيَانَهُر﴾

Mathumnya : “Janganlah kamu (wahai Muhammad) mempercepat-cepatkan lidahmu agar kamu segera (menghafaznya). Sesungguhnya Kami yang mengumpulkannya dan Kami yang membacakannya (untuk kamu). Maka apabila Kami membacakannya (untuk kamu), maka ikutlah bacaannya. Dan kemudian Kami lah yang akan menerangkannya (kepada kamu).”

Farehan Mohd. Hani (2000) menjelaskan, yang dimaksudkan dengan *tartil* ialah ‘membaca dengan lemah lembut, perlahan-lahan, dengan suara yang elok, sebutan yang jelas dan tersusun tanpa tergopoh-gapah agar bacaannya meresap ke dalam hati’. Ia juga ditakrifkan sebagai ‘membaca al-Quran dengan sederhana lambat, tenang dan tenteram’. Ia terhasil dengan membunyikan setiap huruf yang dibaca berdasarkan tempat keluar huruf tersebut dan menunaikan sifat-sifat hurufnya (al-Qaradhawi, 1999; Abdullah al-Qari, 1975; al-Qabbani, 1994)

Tujuan bacaan sedemikian adalah untuk menyediakan ruang untuk berfikir mengenai maksud ayat-ayat yang dibaca, bahkan ianya merupakan satu penghormatan yang membezakan al-Quran dengan bentuk-bentuk bacaan lain. Keadaan pembacaan yang mengambil tempoh masa tertentu dan cermat ini juga diistilahkan sebagai *tarassul* (Abdullah al-Qari, 1975).

A 511933107

Menurut Dr. Yusuf al-Qaradhawi (1999), *tartil* dalam bacaan merujuk kepada bacaan secara pelan-pelan dan perlahan-lahan, memperjelas huruf dan harakatnya, menyamakan permukaan gigi yang rata dan tersusun rapi.

Al-Qabbani (1994) pula menyatakan bahawa *tartil* bererti “*membaca dengan bagus, lemah lembut dan terang*” (hal. 10). Ia merujuk kepada bacaan yang perlahan, faham dan tanpa tergopoh-gapah, membaca dengan tenang, dengan memberikan hak setiap huruf yang terdiri daripada *makhraj* dan sifat-sifatnya. Menurutnya lagi, bacaan cara ini adalah merupakan sebaik-baik bacaan al-Quran (al-Qabbani, 1994).

Oleh itu, membaca al-Quran secara *tartil* boleh dimaksudkan sebagai (Farehan Mohd. Hani, 2000);

- a) membaca al-Quran secara perlahan, cermat dan tenang;
- b) membaca dengan menunaikan sifat-sifat serta *makhraj* huruf al-Quran;
- c) membaca dengan memperelokkan bacaan tanpa mengabaikan hukum-hukum tajwid.

Justeru, pembacaan al-Quran berbeza dengan konsep pembacaan ahli pendidikan moden dalam konteks ianya mestilah dibaca sebagaimana ia diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW. Oleh kerana itu, al-Qabbani (1994) mentakrifkan ilmu tajwid sebagai “*ilmu yang membahaskan cara membaca Kalamullah yakni al-Quranul Karim sesuai dengan keadaannya ketika diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW*” (hal. 10).

Hassan Mahmud al-Hafiz (1987) turut mengatakan bahawa ilmu pembacaan al-Quran berbeza dengan ilmu lain kerana ia tidak boleh dipelajari melalui mushaf sahaja tanpa mengambil bacaan daripada guru-guru yang mahir yang “*sanad bacaan mereka tali-menali sampai kepada Rasulullah SAW*” (hal. 12). Bahkan, menurutnya, mereka yang mempelajari al-Quran selain daripada cara tersebut maka bacaan mereka adalah tidak sah dan dilarang membaca baik di dalam atau di luar solat (Hassan Mahmud, 1987; Abdullah al-Qari, 1990). Sunduq (t.t.) turut menegaskan bahawa cara bacaan al-Quran itu juga merupakan sebahagian daripada solat. Seandainya sah cara bacaan itu, maka sahlah solat yang dikerjakan (Sunduq, t.t.).

Sunduq (t.t) telah memetik hadis Rasulullah SAW di mana Baginda telah bersabda yang mafhumnya ; “*Bacalah oleh kamu al-Quran dengan lidah (cara bacaan) orang Arab dan suaranya dan janganlah kamu baca al-Quran dengan lidah (cara bacaan) orang fasik dan orang yang bermegah-megah*” (Sunduq, t.t., hal. 15).

Dalam hal yang sama, ‘Abdullah al-Qari (1990) telah turut memetik sabda Rasulullah SAW yang telah diriwayatkan oleh Zaid bin Thabit yang mafhumnya ; “*Sesungguhnya Allah menyukai seseorang yang membaca al-Quran itu sebagaimana ia diturunkan*” (hal. 17).

Penekanan yang sebegini ketat dan teliti ini adalah bagi menjamin kesucian dan keaslian ayat-ayat al-Quran daripada sebarang perubahan dan kesilapan dalam bacaan

dan dalam memahami ayat-ayat Allah Taala ('Abdullah al-Qari, 1990; al-Qabbani, 1994; Mohd Sofwan Amrullah, 1995).

Dari kerana itulah, maka catatan sejarah tamadun Islam menyatakan bahawa Saidina Uthman RA pernah memerintahkan agar kesemua mushaf yang terdapat di dalam simpanan persendirian umat Islam dikumpulkan untuk dimusnahkan. Kemudian salinan-salinan kepada mushaf Saidina Abu Bakar yang disimpan oleh Saidatina Hafsa dibuat dan diedarkan ke seluruh pelusuk negara bersama-sama dengan seorang guru bagi mengajarkannya. Mushaf itulah yang dikenali sebagai Rasm Uthmani pada masa sekarang (Mahayudin Hj Yahaya, 2000; Mohd Yusuf Ahmad, 2000; Qadhi, 1999; Ushama, 1998).

Perbezaan yang turut ketara antara pembacaan biasa yang diutarakan ahli akademik moden dan pembacaan al-Quran ialah dari aspek pembacaan itu sendiri. Bagi ahli akademik dan pendidikan moden, pembacaan yang tidak difahami merupakan pembacaan yang sia-sia kerana tiada interaksi yang berlaku antara pembaca dengan apa yang dibacanya (Marohaini, 1999; Harris, 1964; Hassan Langgulung, 1979).

Berbeza dengan pembacaan al-Quran yang menjadikan aktiviti membaca Kalam Allah itu sendiri sebagai ibadah yang sangat dituntut untuk dilakukan walaupun tanpa mengetahui maknanya (Nawawi, 1999). Ini adalah kerana al-Quran diturunkan dalam Bahasa Arab dan bagi orang Islam yang bukan berbangsa Arab atau '*qjam*' tentulah sukar

untuk memahaminya kecuali segelintir daripada mereka yang telah terdedah kepada bahasa ini.

Pandangan ini turut dipersetujui oleh Dechant dan Smith (1977) yang mengatakan bahawa “membaca selalunya memerlukan ‘pengkodan semula’- daripada kod yang bertulis kepada kod yang diucapkan, tetapi ia tidak semestinya bermakna bahawa adalah perlu untuk melangkau daripada simbol grafik kepada makna yang diwakili oleh simbol bercetak tersebut” (Dechant dan Smith, 1977, hal. 24).

Walaupun demikian, seandainya seorang Muslim mampu untuk membaca al-Quran dan pada masa yang sama memahami apa yang dibaca, maka ia adalah lebih baik dan lebih diutamakan (al-Ghazali, 1991; Mohd. Yusuf Ahmad, 2000). Mohd. Yusuf Ahmad (2000) menyatakan bahawa pembaca al-Quran itu terbahagi kepada 4 golongan berdasarkan kepada cara bacaan mereka ;

- a) Bacaan secara *tartil* : membaca dengan baik dengan kelajuan yang sederhana, mengikut kaedah ilmu tajwid;
- b) Bacaan secara *tadabbur* : membaca dengan mengambil perhatian kepada maksud dan kehendak ayat yang dibaca;
- c) Bacaan *tafakkur* : membaca dengan fikiran yang tenang dan memikirkan tentang keagungan Allah dan nasib diri sendiri berdasarkan firman Allah dan berfikir untuk merealisasikan kehendak ayat tersebut; dan
- d) Bacaan *ta'amul* : beramal dengan hukum tilawah dan ajaran al-Quran serta menghayatinya.

Menurut Mohd. Yusuf Ahmad (2000), mereka yang benar-benar membaca al-Quran adalah mereka yang mengamalkan keempat-empat perkara ini dalam pembacaan mereka, sebagaimana yang disebut dalam Surah al-Baqarah (2:121) ;

﴿ الَّذِينَ أَتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَتَلَوُنَهُ حَقًّا تِلَاوَتِهِ أُولَئِكَ يُؤْمِنُونَ بِهِ وَمَنْ يَكُفُرْ
بِهِ فَأُولَئِكَ هُمُ الظَّالِمُونَ ﴾

Mafhumnya : “Orang-orang yang diberikan kitab, mereka membacanya dengan sebenar-benar bacaan dan merekalah orang yang benar-benar beriman dengannya (kitab). Dan barangsiapa yang kufur dengannya, maka merekalah orang yang rugi”

3. Tuntutan Membaca al-Quran

Membaca ayat-ayat al-Quran merupakan ibadah yang sangat dituntut untuk dikerjakan oleh orang Islam setiap hari (al-Ghazali, 1991; Nawawi, 1999). Bahkan, ia wajib dilakukan oleh setiap orang Islam sekurang-kurangnya lima kali sehari semalam berdasarkan kepada tuntuan untuk mengerjakan solat ke atas setiap orang Islam yang telah ‘akil dan baligh. Ini adalah kerana dalam ibadah solat membaca Surah al-Fatihah merupakan salah satu rukun yang mesti ditunaikan bagi memastikan solat yang dikerjakan itu sah dan diterima, khususnya menurut Mazhab Imam Syafi’ e (al-Zuhaily, 1989).

Firman Allah Taala dalam Surah Fathir (35 : 29-30) ;

﴿ إِنَّ الَّذِينَ يَتَلَوُنَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ سِرَّا
وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَحْرِرَةً لَنْ تَبُورَ ﴿٣٥﴾ لِيُوَفِّيهِمْ أَجُورَهُمْ وَيَزِيدَهُمْ مِنْ فَضْلِهِ
إِنَّهُ عَفُورٌ شَكُورٌ ﴾

Mafhumnya : "Sesungguhnya orang-orang yang membaca Kitab Allah (al-Quran) dan mereka yang mendirikan solat serta membelanjakan rezeki yang Kami berikan kepada mereka secara tersembunyi dan terang-terangan, mereka itu mengharapkan perniagaan yang tidak akan rugi. Sebab itu Tuhan akan mencukupkan pahala mereka serta menambah kurnia-Nya kepada mereka, sesungguhnya Tuhan itu Maha Pengampun lagi Maha Berterima Kasih"

Ayat ini dengan jelas menyatakan bahawa Allah Taala akan mengurniakan pahala yang besar dan pengampunan kepada orang yang membaca al-Quran (Nawawi, 1999).

Rasulullah SAW turut menggesa umat Islam agar membaca al-Quran. Imam Muslim telah meriwayatkan bahawa Baginda SAW pernah bersabda :

اقرؤوا القرآن فإنه يأتيكم يوم القيمة شفيعاً لأصحابه
رواہ البخاری و مسلم

Mafhumnya : "Bacalah al-Quran, maka sesungguhnya ia akan datang pada Hari Kiamat sebagai pemberi syafaat bagi orang yang membacanya".

Dalam satu hadis yang lain, Baginda Rasulullah SAW turut mengumpamakan orang yang membaca al-Quran seumpama buah 'utrujjah' yang berbau wangi dan sedap rasanya. Imam al-Bukhari turut meriwayatkan bahawa Baginda SAW pernah bersabda yang mafhumnya : "Sebaik-baik kamu ialah orang yang mempelajari al-Quran dan mengajarkannya" (Abdullah al-Qari, 1990; Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987).

Terdapat banyak lagi ayat-ayat al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah SAW yang menggambarkan betapa umat Islam sangat dituntut untuk membaca al-Quran. Ia

digambarkan melalui janji ganjaran pahala, kebaikan (hasanah) dan kemuliaan bagi sesiapa yang membacanya ('Abdullah al-Qari, 1979; 1990).

Selain itu, suruhan ini turut digambarkan melalui perumpamaan-perumpamaan orang yang tidak membaca al-Quran dengan perumpamaan yang buruk dan tidak baik (Nawawi, 1999; 'Abdullah al-Qari, 1990; Muhammad Zakariyya, t.t.)

D. Kaedah Pengajaran Kemahiran Membaca dan Tilawah al-Quran

Pengajaran merujuk kepada satu sistem aktiviti yang secara khusus ditujukan kepada murid-murid (Kamarudin Hj Husin et. al., 2003) dengan tujuan untuk membawa kepada perubahan tingkah laku mereka. Sistem ini dirancang dan diolah oleh guru bagi menyampaikan maklumat kepada murid-muridnya dalam suasana pembelajaran sama ada di dalam atau di luar bilik darjah.

Sehubungan dengan itu, aktiviti yang berlaku di dalam kelas atau di luar kelas yang melibatkan proses pengajaran dan pembelajaran meliputi empat elemen penting; objektif pengajaran, pengetahuan sedia ada, kaedah pengajaran dan penilaian (Atan Long, 1980; Glaser, 1968 dalam Kamarudin Hj Husin et. al, 2003; Arjunan, 1993).

Objektif pengajaran berperanan untuk mengarah dan menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran sesuatu yang objektif dan mempunyai tujuan tertentu (Syarifah Alwiah Alsagoff, 1989). Pengetahuan sedia ada pula perlu dalam proses pengajaran dan pembelajaran bagi membantu murid untuk menerima pelajaran dan pengalaman pada hari berkenaan (Kamarudin Hj Husin et. al, 2003). Aspek penilaian

pula bertujuan untuk menentukan sama ada pelajar telah mencapai objektif yang telah ditentukan oleh guru sebelumnya (Atan Long, 1980; Kamarudin Hj Husin et. al, 2003).

Kaedah pengajaran yang dipilih dan digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan yang penting dalam memastikan objektif yang telah ditentukan akan tercapai. Pemilihan kaedah yang akan digunakan bukan sahaja ditentukan oleh objektif pengajaran tetapi turut mengambil kira aspek pengetahuan sedia ada yang dimiliki oleh pelajar (Syarifah Alwiah Alsagoff, 1989).

1. Kaedah Pengajaran Membaca

Terdapat pelbagai teori dan model telah diperkenalkan oleh sarjana dan ahli pendidikan berkaitan dengan pengajaran pembacaan kepada kanak-kanak. Sebagai contoh, Dechant dan Smith (1977) berpendapat bahawa pengajaran kemahiran ini kepada kanak-kanak harus dimulai dengan memperkenalkan huruf demi huruf bagi membolehkan kanak-kanak menjadi lebih peka dalam mengenal perkataan keseluruhannya.

Bloomfield, Fries dan Lafevre pula mempelopori pendekatan pembacaan berasaskan kaedah linguistik (Dechant dan Smith, 1977). Penekanan pendekatan ini adalah kepada perhubungan yang rapat antara perkataan sebagai simbol bertulis dan bunyi-bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf sebagai simbolnya. Ia turut menekankan kepada bunyi pola fonem di dalam sesuatu perkataan. Menurut mereka lagi, kanak-kanak seharusnya diperkenalkan dengan nama-nama huruf terlebih dahulu.

Menurut Maimumah Ismail (1995), Fries (1963) turut mencadangkan beberapa langkah dalam pengajaran pembacaan kepada kanak-kanak. Pertama ialah dalam tindak balas mengenal, iaitu huruf-huruf abjad harus dikenal sebagai bentuk-bentuk yang berbeza dan ia tidak semestinya disertai dengan nama-nama huruf itu bagi bentuk tertentu.

Atan Long (1970) pula telah membahagikan kaedah-kaedah pengajaran Bahasa Malaysia kepada dua; Kaedah Tradisional dan Kaedah Moden. Kaedah Tradisional, menurutnya, terbahagi kepada dua; Kaedah Abjad dan Kaedah Suku kata. Kaedah Moden juga terbahagi kepada dua; Kaedah Pandang dan Sebut dan Kaedah Fonik. Beliau telah turut mencadangkan agar pendekatan-pendekatan pengajaran bacaan yang digunakan turut mengambil kira perkara-perkara berikut;

- i. menitikberatkan perbendaharaan kata yang telah dikuasai oleh kanak-kanak secara lisan;
- ii. mengemukakan bahan bacaan yang bermakna kepada mereka;
- iii. menggabungjalinkan bacaan dengan pelajaran lisan dan penulisan;
- iv. menggunakan alat bantuan penguasaan bacaan seperti kad imbasan huruf dan suku kata;
- v. menekankan pengamatan kumpulan-kumpulan perkataan dan rangkaikata yang lebih panjang selepas mahir dengan perkataan;
- vi. memberi perhatian terhadap aspek kejiwaan kanak-kanak seperti memperkayakan tanggapan dan daya bayangan kanak-kanak dengan disertai

bahan bacaan yang bergambar dan berwarna-warni dan aktiviti yang melibatkan diri kanak-kanak.

Kaedah-kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk pengajaran kemahiran membaca telah diklasifikasikan oleh Harris dan Sipay (1975) kepada dua pendekatan utama ; 1) Pendekatan Penekanan Makna (Meaning-Emphasis Approaches) dan 2) Pendekatan Penekanan Kod (Code-Emphasis Approaches).

Pendekatan Penekanan Makna merujuk kepada kaedah dan pendekatan yang mengutamakan makna dalam pengajaran membaca awal kanak-kanak. Menurut mereka lagi, termasuk dalam pendekatan pertama ini ialah Program Bacaan Basal (Basal Reader Programs), Pendekatan Pengalaman Bahasa (Language-Experience Approaches atau LEA) dan Perkembangan Pembacaan Individu (Individual Developmental Reading) (Harris dan Sipay, 1975)

Pendekatan Penekanan Kod pula merujuk kepada kaedah dan pendekatan pengajaran membaca yang menumpu kepada pengajaran kemahiran pengkodan semula (decoding skills). Termasuk dalam pendekatan ini ialah pengajaran membaca menggunakan Kaedah Fonik (phonic programs), Pengajaran Suku Kata (Teaching by Syllables), Pendekatan Linguistik (Linguistic Approaches) dan Program Huruf Istimewa (Special-Alphabet Programs) (Harris dan Sipay, 1975).

Polkinghorne dan Polkinghorne (1952) pula mencadangkan empat metod pengajaran membaca khususnya kepada kanak-kanak yang bermasalah; 1) Metod Pandang dan Sebut, 2) Metod Fonik (Phonic), 3) Metod Kinestetik dan 4) Metod Ayat (Sentence Method). Jones (1971) telah menambah kaedah-kaedah ini dengan turut memasukkan 5) Metod ABC, 6) Metod Perkataan (Word Method), 7) Metod Penceritaan (Story Method), 8) Metod Intrinsik dan 9) Metod Aktiviti Pengalaman (Experience-Activity Method) sebagai kaedah-kaedah yang turut digunakan dalam pengajaran membaca kepada kanak-kanak.

Dechant dan Smith (1977) pula membahagikan teori-teori metod pengajaran membaca kepada lima model utama; 1) Model-model Taksonomi (Taxonomic Models), 2) Model-model Psikometrik (Psychometric Models), 3) Model-model Psikologikal (Psychological Models), 4) Model-model Pemprosesan Maklumat (Information Processing Models) dan 5) Model-model Linguistik (Linguistic Models).

a) Model Taksonomi

Model ini menegaskan bahawa proses pengajaran membaca seharusnya melalui tahap dan susunan yang tertentu. Gray (1960) menyatakan, tahap-tahap tersebut ialah (Dechant dan Smith, 1977);

- a. Pengenalan perkataan (word recognition)
- b. Pemahaman (comprehension)
- c. Tindak balas (reaction)
- d. Penyesuaian (assimilation)

Robinson (1966) kemudiannya turut memasukkan tahap ‘kadar pembacaan’ (rate of reading) sebagai susunan tahap pengajaran membaca (Dechant dan Smith, 1977).

b) Model Psikometrik

Model yang diperkenalkan oleh Holms dan Singer (1966) ini menekankan kepentingan kelajuan kadar bacaan dan ‘kekuatan bacaan’ (power of reading) dalam pengajaran bacaannya. Ia melibatkan proses-proses berikut yang disusun menurut susunan hierarki dan mengikut keutamaan ; 1) Pengenalan perkataan, 2) Makna perkataan, 3) Analisis morfenik (morphemic analysis) dan 4) Penaakulan konteks (reasoning in context).

c) Model Psikologikal

Model-model ini terbahagi kepada dua; Model Behavioral dan Model Kognitif.

- a. Model Behavioral diasaskan kepada Teori Ransangan dan Tindakbalas dan Teori Lapangan (Field Theories) yang dipelopori oleh B.F. Skinner.

Model ini menganggap pembelajaran sebagai proses membentuk kebiasaan (habit formation) dan kesinambungan antara ransangan dan tindak balas.

- b. Model Kognitif pula menegaskan peranan pelajar sebagai 1) pengumpul, 2) pemproses dan 3) pengguna maklumat. Ia melibatkan pengeluaran makna luaran (surface meaning) dan makna dalaman (deep meaning) oleh pembaca tentang apa yang dibacanya berdasarkan

bahasa tertentu. Proses ini turut melibatkan pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang dipunyai oleh pembaca berkenaan.

d) Model Pemprosesan Maklumat

Menurut model ini, aktiviti membaca dianggap sebagai satu bentuk komunikasi di mana maklumat dipindahkan daripada sumber maklumat (transmitter) kepada penerima (receiver).

e) Model Linguistik

Model ini diperkenalkan oleh Bloomfield, Fries dan Lefevre. Ia melibatkan;

- a. Ortografi (orthography) dan pengucapan (speech),
- b. Perhubungan antara huruf dan bunyi, dan
- c. Petunjuk sintatikal (syntactical cues) intra-perkataan dan inter-perkataan.

Model ini menekankan tentang perhubungan yang wujud antara perkataan yang tercetak dengan bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf sebagai lambang konvensional.

2. Pengajaran Tilawah Al-Quran

Terdapat pelbagai pendekatan dan kaedah yang telah diperkenalkan dalam usaha untuk mengajarkan tilawah al-Quran kepada pelajar atau kanak-kanak. Antara metod dan kaedah-kaedah yang dikenalpasti ialah Metod Jibril, Metod Nabi (Abdul Halim el-Muhammady, 1991), Metod Baghdadiyah, Metod Iqra (As'ad Humam, 1997), Metod

Qiraati (H. Dachlan Salim Zarkasyi, 1991), Metod Muqaddam Kaedah al-Marbawi (Ahmad Zuhdi, 2003), Metod Kitab al-Ruh al-Amin (Muhammad Roihan, 2004), Metod al-Badar (Shamsul Mohd Nor et. al, 2004) dan Metod Perbincangan Hukum Tajwid.

a) Metod Jibril

Metod ini merujuk kepada cara bagaimana Jibril AS mengajar dan menyampaikan wahyu kepada Nabi Muhammad SAW (Abdul Halim el-Muhammady, 1991). Metod ini menekankan kaedah hafalan dan pengulangan oleh murid atau pelajar. Guru pula berperanan penting untuk menyampaikan bacaan contoh yang baik yang perlu dicontohi oleh pelajar.

Ia dimulai dengan guru membaca bacaan contoh dengan jelas dan diikuti oleh pelajar. Pelajar pula hendaklah mendengarkan bacaan guru dengan teliti agar membolehkannya meniru bacaan guru tadi. Setelah guru mengulang sekurang-kurangnya tiga kali, pelajar pula membentangkan bacaan mereka kepada guru untuk diperakukan. Proses ini dilakukan berulang kali agar pelajar hafaz dan mahir dalam bacaan tersebut (Abdul Halim el-Muhammady, 1991).

b) Metod Nabi

Metod ini pula merujuk kepada kaedah yang telah diterapkan oleh Nabi dalam usaha untuk mengajarkan al-Quran kepada para sahabat Baginda. Secara keseluruhannya, kaedah yang digunakan oleh Baginda adalah agak sama dengan yang telah digunakan oleh Jibril AS terhadap Baginda (Abdul Halim el-Muhammady, 1991).

Baginda akan membacakan potongan-potongan ayat sambil diteliti oleh para sahabat, mencontohi bacaan Baginda dan membacakannya semula di hadapan Baginda Nabi.

Perbezaan yang agak ketara antara kaedah dan pendekatan yang digunakan oleh Baginda dan kaedah yang digunakan oleh Jibril AS ialah Baginda turut menerangkan kepada sahabat ayat yang sedang diajarkan oleh Baginda kepada mereka, khususnya ayat-ayat yang menimbulkan keraguan atau samar-samar maksudnya. Di samping itu, Baginda turut mengarahkan para sahabat yang mempunyai kemahiran menulis untuk menuliskan ayat-ayat tersebut. Ia bagi menjamin hafalan para sahabat daripada hilang daripada ingatan para sahabat (Abdul Halim el-Muhammady, 1991; Qadhi, 1999; Mohd. Yusuf Ahmad, 2000).

c) Metod Baghdadiyah atau Muqaddam

Metod ini adalah merujuk kepada cara atau kaedah mengajar anak-anak membaca al-Quran dengan menggunakan kitab ‘Muqaddam’ yang dipercayai berasal dari Baghdad (Hamezah Husin, 1989). Metod atau kaedah ini telah digunakan dengan meluas dalam pengajaran membaca al-Quran, khususnya di Malaysia dan tergolong dalam kaedah tradisional pengajaran membaca al-Quran (Hamezah Husin, 1989). Banyak penulisan mengenai kaedah mengajar membaca al-Quran telah turut memasukkan kaedah ini sebagai salah satu kaedah yang telah digunakan dengan meluas, termasuk di Kelantan, Johor dan Selangor (Hamezah Husin, 1989, Rahimah Mohd Zin, 1994; Fazlina Fadzil, 1999).

Dr. Abdul Hamid Othman et. al (1980) turut memasukkan kaedah ini sebagai salah satu cara mengajar al-Quran ketika membentangkan kertas kerjanya di Seminar Pengajaran al-Quran di Kota Bharu. Beliau membahagikan kaedah ini kepada empat peringkat;

1) Pengenalan Huruf Tunggal : Peringkat pengenalan huruf tunggal ini menggunakan kaedah pandang dan sebut (PDS). Ia hendaklah disampaikan dengan menggunakan sebutan bahasa Arab yang betul.

2) Pengenalan Huruf Sambung : Pada peringkat ini penekanan hendaklah diberikan terhadap *makhraj* huruf dan *fasohah*. Ia dicapai dengan cara latih tubi atau *drill*.

3) Pengenalan Baris dan Tanda : Peringkat ini adalah bagi memperkenalkan suku kata yang terdapat di dalam kalimah-kalimah al-Quran.

4) Pengenalan Kalimah : Dalam peringkat ini, unsur-unsur *tajwid*, *waqaf* dan *mad* dimasukkan dalam pengajaran.

Kaedah ini mempunyai persamaan dengan pengajaran membaca menggunakan kaedah ABC (Jones, 1971) atau kaedah Abjad (Atan Long, 1970) dan Linguistik (Dechant dan Smith, 1977). Melalui kaedah ini, pelajar akan diajar untuk mengenali nama huruf-huruf al-Quran terlebih dahulu dan kemudian bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf tersebut berdasarkan tanda barisnya. Dengan kaedah ini juga, pelajar diajar

untuk mengeja potongan-potongan ayat al-Quran satu persatu sehingga lah mereka kenal akan huruf dan baris setiap satu perkataan yang terdapat di dalam ‘Muqaddam’ tersebut.

d) Metod Muqaddam Kaedah al-Marbawi

Metod ini telah diperkenalkan oleh Ustaz Ahmad Zuhdi Mohd. Shekh.

Menurutnya (Ahmad Zuhdi, 2003), kaedah ini diperkenalkan bagi mengekalkan khazanah ilmu membaca al-Quran yang diasaskan oleh Metod Baghdadiyah yang telah digunakan oleh masyarakat Islam di negara ini.

Metod ini masih mengekalkan kaedah ‘mengeja-membaca’ sebagaimana dalam Metod Baghdadiyah yang diterangkan sebelum ini. Perbezaan antara kedua kaedah ini ialah dari sudut penulisan potongan-potongan kalimah al-Quran dan penyusunan bahagian-bahagian yang terdapat di dalam ‘muqaddam’ ini (Ahmad Zuhdi, 2003).

Penulisan potongan-potongan kalimah al-Quran dalam metod ini dibuat dengan menggunakan Resam Uthmani, berbeza dengan Muqaddam Metod Baghdadiyah yang menggunakan Resam Imlaiy. Muqaddam Kaedah al-Marbawi ini turut dibahagikan kepada empat bahagian. Bahagian Pertama dan Kedua disusun untuk mengenal huruf-huruf tunggal, huruf dalam kalimah serta fungsi baris serta tanda baca. Bahagian Ketiga pula ialah amali tajwid, manakala Bahagian Keempat pula ialah petikan-petikan dari Juz ‘Amma atau Surah-surah Lazim (Ahmad Zuhdi, 2003).

e) Metod Iqra'

Metod atau kaedah ini telah diperkenalkan oleh Ustaz Haji As'ad Humam pada tahun 1988 di Yogyakarta, Indonesia. Metod ini menggunakan pendekatan kaedah fonik atau bunyi dalam usaha mengajar kanak-kanak membaca al-Quran. Kaedah ini dikatakan adalah kaedah yang telah digunakan oleh Jibril AS ketika mengajar Nabi Muhammad untuk membaca (Mohd. Najib, 1997). Metod ini menggunakan bukunya yang tersendiri yang dibahagikan kepada enam jilid mengikut tahap kesukaran bacaan yang terdapat dalam al-Quran Resam Uthmani.

Melalui kaedah ini, kanak-kanak terus diperkenalkan dengan bunyi yang diwakili oleh setiap huruf al-Quran yang bertanda baris tanpa menengalkannya dengan nama setiap huruf dalam al-Quran. Dalam memastikan kefahaman dan keupayaan pelajar untuk mengenali bunyi bagi huruf-huruf berkenaan, kaedah *drill* atau latihan tubi (*talqin*) amat ditekankan (As'ad Humam, 1997).

Dalam kaedah ini juga, pelajar tidak diperkenalkan dengan istilah-istilah hukum tajwid tetapi menekankan pembacaan yang mengaplikasikan hukum-hukum tersebut dalam bacaan sebenar. Oleh itu, guru perlu berupaya memberikan bacaan contoh yang tepat kepada pelajar sesuai dengan hukum-hukum tajwid yang terdapat dalam potongan ayat-ayat yang diajarkan (As'ad Humam, 1997).

f) Metod Qiraati

Metod ini merujuk kepada kaedah pengajaran al-Quran berdasarkan pendekatan fonik atau bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf al-Quran sebagaimana Metod Iqra' oleh Ustaz As'ad Humam. Kaedah ini telah diperkenalkan oleh H. Dachlan Salim Zarkasyi sejak tahun 1963 (H. Dachlan Salim, 2000), pengasas Tadika Al-Quran yang pertama di Indonesia (H. Dachlan Salim, 2000). Buku ini pada asalnya terdiri daripada sepuluh (10) jilid kesemuanya, tetapi kemudian diringkaskan menjadi enam (6) jilid pada tahun 1986 (H. Dachlan Salim, 2000).

Perbezaan yang ketara antara metod ini dan Metod Iqra' ialah pengenalan kepada huruf-huruf al-Quran secara beransur-ansur dan di waktu yang sama memperkenalkan bunyi kepada tanda baca yang diberikan kepada huruf-huruf tersebut tanpa mengeja tetapi terus membaca huruf-huruf berkenaan(H. Dachlan Salim, 2000). Metod yang digunakan ini merupakan gabungan antara Kaedah Abjad atau ABC dengan Kaedah Fonik, di mana pelajar diperkenalkan dengan bunyi yang diwakili oleh huruf dan tanda baris dan kemudiannya nama huruf-huruf berkenaan (H. Dachlan Salim, 2000).

Metod ini turut mengesyorkan had jumlah pelajar yang sepatutnya diajar dalam satu-satu kelas oleh seseorang guru al-Quran. Jumlah had pelajar ini turut berubah apabila pelajar beralih daripada satu-satu jilid kepada jilid yang berikutnya (H. Dachlan Salim, 2000).

Namun, metod ini tidak tersebar dengan meluas kepada umum dan buku-bukunya turut tidak terdapat dalam pasaran, kecuali mereka yang mengikuti kelas Qiraati sejak daripada mula dan diajar oleh guru-guru yang diperaku telah mahir dengan metod ini (H. Dachlan Salim, 2000). Langkah ini mungkin bertujuan untuk memelihara keaslian metod dan mengelakkan daripada kesalahan dalam mengajar al-Quran menggunakan metod ini. Bagi negara Malaysia, Singapura, Brunei dan Thailand, pengembang kaedah ini yang telah diperakukan ialah Mohammad Masruh Ahmad, pengasas Raudhatul Mujawwidin di Sungai Ramal, Selangor (H. Dachlan Salim, 2000).

g) Metod Kitab al-Ruh al-Amin

Metod ini diperkenalkan oleh Hj. Muhammad Roihan Hasbullah NST. Menurut pengarangnya, kitab al-Ruh al-Amin ini ditulis bagi memperbaiki kelemahan-kelemahan yang dikenalpasti wujud dalam kitab-kitab yang sedang digunakan dewasa ini (Muhammad Roihan, 2004). Antara kelemahan-kelemahan yang telah dikenalpasti wujud oleh pengarang kitab ini ialah ;

- i. Contoh-contoh yang digunakan tidak sesuai pada tempatnya, belum didedahkan kepada pelajar dan sebagainya.
- ii. Contoh-contoh yang digunakan bercanggah dengan akidah Islam, rosak makna asal dan sebagainya.
- iii. Contoh-contoh yang diberikan dalam satu-satu tajuk kadangkala berlebihan.
- iv. Permasalahan yang dikaji tidak teratur.

Walaupun demikian, kaedah yang digunakan oleh kitab ini mempunyai persamaan dengan Metod Iqra', di mana pendekatan fonik telah digunakan. Aturan dan pengenalan kepada bunyi yang diwakili oleh huruf-huruf al-Quran yang berbaris juga mempunyai persamaan dengan Metod Iqra', di mana pelajar diperkenalkan dengan baris atas terlebih dahulu, kemudian baris bawah dan akhirnya baris hadapan (Muhammad Roihan, 2004; As'ad Humam, 1997).

h) Metod al-Badar

Metod yang menggunakan pendekatan nasyid ini diperkenalkan oleh Ustaz Shamsul Mohd Nor, Ustaz Zawawi Zakaria, A. Fanani Ibrahim Cholil B.A. dan Drs. Ahmad Fadhillah pada tahun 2000. Metod ini menggunakan pendekatan nasyid 'al-Badar' dalam usaha untuk memperkenalkan huruf-huruf al-Quran kepada pelajar dan kaedah asas tanda baca huruf-huruf berkenaan (Shamsul Mohd Nor et. al, 2004).

Metod ini dimulakan dengan pengenalan huruf-huruf al-Quran satu persatu yang turut dieja menggunakan tulisan roman di bawahnya. Pengenalan huruf-huruf al-Quran sedemikian rupa agak menyerupai kaedah Hattawayah, walaupun agak berbeza dari segi kaedah dan pendekatannya (Mohamad Hatta, ; Shamsul Mohd Nor et. al, 2004).

Nasyid 'al-Badar' didedahkan kepada pelajar terlebih dahulu sebelum memperkenalkan tanda baris 'atas' huruf-huruf tersebut kepada pelajar. Rima nasyid inilah nanti yang akan digunakan bagi melazimkan pelajar dengan bacaan baris 'atas' bagi huruf-huruf tersebut (Shamsul Mohd Nor et. al, 2004).

Susunan kandungan bab-bab mengikut metod ini mempunyai banyak persamaan dengan Metod Iqra' oleh Ustaz As'ad Humam. Ia dimulai dengan pengenalan baris 'atas' kepada huruf-huruf yang terpisah, kemudian pengenalan kepada huruf-huruf bersambung dan pengenalan kepada baris 'bawah' dan 'depan' bagi huruf-huruf berkenaan (As'ad Humam, 1997; Shamsul Mohd Nor et. al, 2004).

i) Metod Perbincangan Hukum Tajwid

Metod ini merujuk kepada perbincangan hukum-hukum tajwid yang terlibat dalam pembacaan al-Quran dan cara bacaannya. Dewasa ini terdapat pelbagai buku yang membicarakan tentang perkara ini yang membicarakan mengenai hukum tajwid dan cara pembacaan al-Quran. Antara penulis-penulis buku seperti ini yang terkenal ialah 'Abdul Qadir Leong, Hassan Mahmud al-Hafiz, 'Abdullah al-Qari, Mohamad Sofwan Amrullah, Ustaz As'ad Humam dan lain-lain lagi.

Ulama bersepakat bahawa hukum mempelajarinya adalah *fardhu kifayah* sahaja, walaupun demikian, mengaplikasikannya dalam bacaan al-Quran adalah wajib ('Abdul Qadir Leong, 2003; Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987; Abdullah al-Qari, 1990). Kebiasaannya, ilmu ini hanya diajarkan kepada pelajar yang telah menguasai bacaan al-Quran secara asas sebagai ilmu tambahan dan pengayaan kepada mereka (As'ad Humam, 1994).

Kesemua metod atau kaedah yang diterangkan merupakan sebahagian daripada kaedah mengajar tilawah al-Quran yang dipraktikkan dewasa ini di kalangan masyarakat.

Tidak dinafikan, terdapat pelbagai lagi teknik pengajaran membaca al-Quran yang tidak terkaji oleh penulis kerana ilmu ini semakin berkembang sesuai dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa.

Di antara metod-metod yang diperkenalkan juga, tidak dapat dinyatakan secara pasti kaedah manakah yang lebih baik. Ini adalah kerana masing-masing mempunyai kelebihannya yang tersendiri dan turut mensasarkan sasaran yang agak berbeza antara satu sama lain. Namun, dapat disimpulkan, kesemua kaedah dan metod pengajaran membaca al-Quran yang telah dibincangkan ini boleh dibahagikan kepada tiga kumpulan; 1) kumpulan yang berasaskan pendekatan linguistik dan tradisional, 2) kumpulan yang berasaskan pendekatan fonik dan 3) metod yang berasaskan perbincangan hukum-hukum tajwid.

*3. Kepentingan *Talaqqi* dan *Musyafahah**

Dalam pengajaran pembacaan atau tilawah al-Qur'an, perkara yang paling ditekankan kepada pelajar dan guru ialah pengajaran membaca al-Quran hendaklah berlaku secara *talaqqi* dan *musyafahah*. *Talaqqi* bermaksud berjumpa dengan secara berdepan, manakala *musyafahah* pula membawa erti bercakap dengan seseorang secara berhadapan (Sheikh Husin Sobah, 1996; Hassan Mahmud al-Hafiz, 1989; Mohd. Yusuf Ahmad, 2000).

Proses inilah yang telah dialami oleh Baginda Rasulullah SAW semasa Baginda menerima wahyu daripada Malaikat Jibril AS. Jibril AS membacakan terlebih dahulu

ayat-ayat al-Qur'an sambil Baginda mendengarkannya dengan teliti. Kemudian Baginda memperdengarkan pula bacaan Baginda kepada Jibril AS sebagaimana yang telah diperdengarkan oleh Jibril AS terlebih dahulu kepada Baginda (Abdul Halim el-Muhammady, 1991; Ismail Awang, 1987; al-Qabbani, 1994).

Kaedah yang sama telah dipraktikkan oleh Baginda SAW ketika mengajarkan para sahabat untuk membaca al-Quran (Ismail Awang, 1987; Abdul Halim el-Muhammady, 1991; Mohd. Yusuf Ahmad, 2000). Baginda akan membaca potongan ayat al-Quran di hadapan para sahabat dan kemudian menerangkannya kepada mereka. Para sahabat kemudiannya akan mengulang bacaan Baginda sehingga mereka menguasai dan menghafalnya (Ismail Awang, 1987). Bagi memastikan ayat-ayat al-Quran ini terpelihara dan hilang daripada ingatan para sahabat, Baginda memerintahkan agar ia ditulis oleh beberapa orang sahabat yang mempunyai kemahiran tersebut (Qadhi, 1999).

Cara yang sama telah diteruskan oleh para sahabat, tabi'en dan tabi' tabi'en. Menurut Ismai! Awang (1987), yang berbeza antara cara pengajaran Nabi, para sahabat, tabi'en dan tabi' tabi'en hanyalah tempat pengajian di mana pengajian itu berlangsung (Abdul Halim el-Muhammady, 1991; Mahayudin Hj Yahaya, 2000).

Abdul Halim el-Muhammady (1991) menegaskan, oleh kerana al-Quran adalah merupakan Kalam Allah maka ia mestilah dibaca dengan betul sebagaimana ia diturunkan kepada Baginda Muhammad SAW. Oleh itu, mempelajari cara membaca al-

Quran mestilah berlaku secara *musyafahah* atau ‘dari mulut ke mulut’ antara pelajar dan guru (Abdul Halim el-Muhammady, 1991).

Penegasan yang sama turut dibuat oleh Hassan Mahmud al-Hafiz (1987) dan Sunduq (t.t.). Mereka menyatakan bahawa cara pembacaan yang tidak diterima melalui guru yang *sanadnya* ‘tali-menali’ hingga kepada Rasulullah SAW adalah bacaan yang tidak sah dan turut mempengaruhi sah atau tidaknya solat yang dikerjakan oleh seseorang (Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987; Sunduq, t.t.). Al-Qabbani (1994) menjelaskan bahawa cara bacaan yang diambil melalui cara *talaqqi* dan *musyafahah* inilah yang dinamakan sebagai bacaan yang fasih.

Oleh yang demikian, seseorang yang hendak mempelajari bacaan al-Qur'an mestilah bergurukan individu yang berkelayakan dan mahir dalam bidang berkenaan. Seorang guru pula mestilah memperlengkapkan dirinya dengan kemahiran yang perlu sehingga bacaannya boleh dijadikan contoh dan diikuti oleh anak muridnya (Farehan Mohd. Hani, 2000; Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987).

Kaedah peniruan model bacaan guru ini sebenarnya turut diterima pakai dalam teori dan teknik-teknik pengajaran bahasa-bahasa kedua (Goh, 1997). Crawley dan Merritt (1996) turut menamakan teknik ini sebagai ‘neurological impress method’.

Justeru, kaedah mengajar al-Qur'an secara *talaqqi* dan *musyafahah* sememangnya diterima oleh ahli pendidikan Barat. Tambahan pula, pengajaran al-Qur'an mestilah

diterima dan dijalankan secara *tauqifi*, iaitu berpandukan wahyu Allah dan *sunnah* nabi-Nya dan bukan bersandarkan kepada pendapat akal manusia semata-mata. Aspek inilah yang membezakan pengajaran pembacaan al-Qur'an dengan metod dan kaedah pengajaran pembacaan yang lain (Farehan Mohd. Hani, 2000).

Hassan Mahmud al-Hafiz (1987) merumuskan bahawa cara pengambilan al-Quran daripada guru terbahagi kepada dua metod utama; 1) Metod *al-Mutaqaddimin* dan 2) Metod *al-Muta'akhirin*. Metod *al-Mutaqaddimin* merujuk kepada kaedah di mana guru membaca di hadapan murid dan murid hanya mendengarkan sahaja bacaan guru. Metod *al-Muta'akhirin* pula merujuk kepada kaedah di mana murid membaca di hadapan guru dan guru hanya mendengarkannya sahaja (Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987).

Walaupun begitu, beliau berpendapat adalah lebih baik jika dapat digabungkan antara kedua-dua kaedah tersebut seandainya suasana membenarkan dan sesuai dengan masa dan tempat. Cara ini juga, menurut ulamak, amat berfaedah bagi melatih lidah agar mampu menyebut huruf-huruf al-Quran dengan betul (Hassan Mahmud al-Hafiz, 1987).

Pendapat ini turut dikongsi oleh Dechant dan Smith (1977) yang mengatakan bahawa pengajaran membaca yang memerlukan pelajar menyebut dan membaca secara terang (oral) di hadapan guru adalah lebih baik daripada pembacaan secara senyap (silent reading) kerana melibatkan kemahiran yang lebih. Pengajaran cara ini akan meningkatkan keupayaan pelajar untuk menyebut perkataan dengan betul (pronunciation), memfrasakan bacaan mereka (phrasing), rima (rhythm), suara, tempo

dan kelancaran mereka untuk membaca (Dechant dan Smith, 1997; Dechant, 1964; Harris dan Sipay, 1975).

E. Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Kemahiran Membaca

Maimunah Ismail (1995) telah menjelaskan bahawa terdapat empat faktor yang menyumbang dan mempengaruhi kebolehan membaca pelajar yang didasarkan kepada teori yang diperkenalkan oleh Marasingan dan Villamin (1990), iaitu;

- i. faktor-faktor psikologi : minat dan motivasi serta konsep diri;
- ii. faktor-faktor persekitaran : persekitaran di rumah dan sekolah;
- iii. faktor-faktor intelektual : kecerdasan pelajar, pengetahuan dan pengalaman sedia ada serta kebolehan berbahasa;
- iv. faktor-faktor fizikal : daya pendengaran dan penglihatan.

Pendapat ini, menurut Maimunah Ismail (1995), turut disokong oleh dapatan daripada kajian Coleman (1996), laporan Plowden (1967), Dave (1963) dan Wolf (1966) yang turut memberikan bukti bahawa ciri-ciri pelajar dan latar belakang keluarga mempunyai hubungan dengan variasi dalam pengukuran pencapaian pelajar.

Kajian yang dijalankan oleh Ali Haji Mohamed (1972) dan Musgrove (1976) turut mengaitkan kecinciran dengan taraf sosio ekonomi dan lokasi penempatan keluarga pelajar. Carroll (1963) turut mengatakan bahawa faktor-faktor yang mempengaruhi kejayaan pembelajaran pelajar ialah pengajaran guru, peluangnya untuk belajar serta dorongan daripada ibu bapa. Kajian yang dijalankan oleh Isahak Haron (1977), Taha Ab.

Kadir (1977) dan Hussein Haji Ahmad (1979) turut menyokong dapatan-dapatan tersebut.

Koh (1984) pula menyatakan bahawa terdapat tiga jenis sekatan budaya yang berupaya menjelaskan perkembangan bahasa kanak-kanak; kekurangan persekitaran, kekurangan pengalaman dan kekurangan interaksi kanak-kanak dengan orang dewasa.

Dalam isu pembacaan al-Quran, antara masalah utama yang dikenalpasti menyumbang ke arah kelemahan pelajar menguasai pembacaan al-Quran ialah sukatan tilawah al-Quran yang terlalu banyak (Abdul Halim Haji Haron, 1995; Farehan Mohd. Hani, 2000). Kelemahan pelajar untuk menguasai jawi juga mempunyai perkaitan dengan pencapaian pelajar dalam kemahiran ini. Kajian yang telah dijalankan oleh Maimunah Ismail (1995) mendapati bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara kedua perkara tersebut.

Turut mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran membaca al-Quran adalah faktor jumlah murid yang terlalu ramai dalam sesbuah kelas (Jemaah Nazir Sekolah-sekolah Persekutuan, 1994). Bilangan murid yang terlalu ramai akan mengurangkan peluang guru untuk mendengar dan memperbetulkan bacaan pelajar secara *talaqqi* dan *musyafahah* serta membataskan aktiviti-aktiviti pengukuhan.

Pengajaran al-Quran yang tidak diberi nilai dalam peperiksaan awam turut dikenalpasti menjadi penyumbang kepada masalah ini. Kajian yang telah dilakukan oleh

Kementerian Pendidikan Malaysia (1996) mendapati bahawa kebanyakan Guru Pendidikan Islam (90.2%) berpendapat bahawa Pendidikan Islam perlu dimasukkan dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Ia adalah saranan bagi meningkatkan kebolehan membaca al-Quran di kalangan pelajar sekolah rendah.

F. Latar Belakang Sekolah Agama Negeri (SAN) di Selangor

1. Negeri Selangor Secara Ringkas

Negeri Selangor terletak di Pantai Barat Semenanjung Malaysia dan di kelilingi oleh Perak di sebelah utara, Pahang di sebelah Timur dan Negeri Sembilan di sebelah selatan. Keluasan negeri ini ialah 7,956 km persegi (Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB), 1993). Negeri Selangor terdiri daripada sembilan (9) buah daerah kesemuanya; Gombak, Hulu Langat, Klang, Kuala Selangor, Sabak Bernam, Hulu Selangor, Kuala Langat, Sepang dan Petaling (PNSB, 1993).

Sistem pemerintahan di Selangor adalah sebagaimana negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia, iaitu sistem raja berpelembagaan (PNSB, 1993). Pada ketika ini, negeri Selangor adalah di bawah pemerintahan Sultan Sarafuddin Idris Shah al-Haj ibni almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah al-Haj, Sultan Selangor yang ke sembilan. Ketua kerajaan negeri pula, sejak tahun 1999 sehingga sekarang dipimpin oleh Dato' Dr. Mohamad Khir bin Toyo, Menteri Besar Negeri Selangor yang ke-13 (Koleksi Selangor, Muzium Sultan Alam Shah). Pusat pemerintahan kerajaan negeri terletak di Bandaraya Shah Alam, manakala bandar Klang pula adalah Bandar Dirajanya.

Berdasarkan bancian pada tahun 2000, penduduk negeri ini berjumlah seramai 3,752,100 orang dengan pertambahan sebanyak hampir 4.6 peratus setahun. Majoriti penduduk di negeri ini ialah Melayu Islam dengan 49.66 peratus dan baki 50.44 peratus adalah terdiri daripada bangsa Cina, India dan penduduk peribumi (Unit Perancangan dan Pembangunan Negeri, Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Selangor, 2001).

Negeri Selangor digambarkan sebagai negeri yang termaju di Malaysia berbanding negeri-negeri lain (PNSB, 1993). Ia disumbangkan oleh hakikat bahawa kedua-dua pusat pemerintahan Kerajaan Malaysia adalah terletak di negeri ini, di Kuala Lumpur pada satu ketika dan sekarang Putrajaya, Sepang. Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) yang juga antara lapangan terbang terbesar di rantau ini juga terletak di negeri ini (PNSB, 1993).

Aktiviti ekonomi utama negeri ini ialah sektor perindustrian, diikuti oleh sektor perkhidmatan, perlombongan, perdagangan dan pertanian (PNSB, 1993). Di negeri ini sahaja terdapat tiga kawasan perindustrian yang utama di Malaysia; Shah Alam, Petaling Jaya dan Telok Panglima Garang. Pelabuhan Klang yang menjadi pelabuhan utama negara Malaysia turut terletak di negeri ini. Tidak hairanlah jika pendapatan perkapita di negeri ini adalah juga yang tertinggi berbanding negeri-negeri lain di Malaysia (SUK Negeri Selangor, 2001).

2. Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS)

Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) merupakan jabatan di peringkat kerajaan negeri yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal agama Islam di negeri ini. Jabatan ini yang terletak di Bangunan Sultan Idris Shah, Seksyen 5, Shah Alam telah ditubuhkan pada tahun 1952 (JAIS, 1994).

Penubuhan JAIS pada peringkat awal dicetuskan oleh Sultan Sir Hisamuddin Shah, Sultan Selangor yang ke enam (Muzium Sultan Alam Shah, 1999). Ide ini tercetus hasil keprihatinan Baginda setelah mendapati bahawa kesedaran dan penghayatan agama Islam di kalangan rakyat jelata di negeri ini telah mula menurun. Oleh itu, pada tahun 1945, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam telah ditubuhkan dengan tujuan untuk meningkatkan syiar Islam di Selangor (Muzium Sultan Alam Shah, 1999).

Pada tahun 1952, rang undang-undang Fasal 5 Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor 1952 atau Undang-undang Negeri Selangor Nombor 3 Tahun 1952 telah digubal dan diluluskan oleh dewan undangan negeri. Maka dengan kuatkuasa tersebut, Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor telah ditubuhkan (JAIS, 1994). Berikutan itu, sebuah jabatan ditubuhkan di bawah Majlis Agama Islam Selangor yang bertanggungjawab untuk mengelola hal ehwal agama Islam yang dikenali sebagai Jabatan Agama Islam Selangor atau JAIS (JAIS, 1994).

3. Pendidikan Islam di Selangor

i. Era awal kedatangan Islam

Pendidikan Islam di Tanah Melayu bermula sejak daripada kedatangan agama Islam ke rantau ini (Mahayudin Haji Yahaya, 2000; Mohd. Yusuf Ahmad, 2000). Terdapat tiga teori berhubung kedatangan Islam ke Nusantara. Pendapat pertama mengatakan agama Islam di bawa oleh pedagang Arab. Pendapat yang kedua pula mengatakan agama Islam di rantau ini berasal dari Benua India, manakala pendapat ketiga mengatakan ia berasal dari negerei China atau Champa (Muzium Sultan Alam Shah, 1999).

Namun, tidak ada catatan yang jelas yang menunjukkan tarikh sebenar kedatangan Islam ke Tanah Melayu, apatah lagi ke Selangor. Mahayudin Haji Yahaya (2000) memetik pendapat T. Arnold yang mengatakan bahawa Islam mula datang ke rantau ini seawal abad ke-7 Masihi. Menurut T. Arnold, telah terdapat perkampungan Arab-Islam di pantai barat Sumatera pada tahun 674 Masihi (Mahayudin Haji Yahaya, 2000).

Bukti yang dijumpai setakat ini menjelaskan bahawa Islam telah mula bertapak di Kelantan seawal abad ke-12 Masihi dengan penemuan wang dinar bertarikh 577 Hijrah bersamaan tahun 1161 Masihi di negeri itu (Abdullah Ishak, 1995). Catatan sejarah juga menunjukkan Islam telah mula sampai ke Melaka pada tahun 1414 apabila Parameswara, raja Melaka pada ketika itu, telah memeluk agama Islam (Mohd. Yusuf Ahmad, 2002) kerana mengahwini anak Raja Pasai.

Catatan sejarah telah turut menyatakan bahawa pada zaman pemerintahan Sultan Muzaffar Shah (1445-1458), kerajaan Islam Melaka telah menghantar Bendahara Melaka, Tun Perak untuk memerintah Klang (Mohamad Roselan, 1998). Pada masa itu, Klang dan Kuala Selangor telah wujud sebagai penempatan-penempatan awal di Selangor. Penghantaran Tun Perak sebagai pemerintah di Klang boleh dijadikan bukti dan petunjuk bahawa agama Islam telahpun berkembang di Selangor pada masa itu (Mohamad Roselan, 1998).

Pendidikan Islam pada ketika itu tertumpu di istana-istana, rumah-rumah guru, madrasah, surau dan masjid-masjid (Mahayudin Haji Yahaya, 2000) dan berjalan dalam keadaan yang tidak formal. Pelajaran yang mula-mula diajarkan ialah al-Quran, membaca dan menulis. Catatan Abdullah Munsyi dalam Hikayat Abdullah Munsyi menyatakan bahawa pada masa itu kanak-kanak diajar membaca dan menulis dan kemudian membaca al-Quran. Pengajian itu pula diadakan di rumah-rumah guru (Haron Din dan Sobri Salamon, 1988). Ilmu-ilmu lain yang turut dipelajari ialah aqidah, fekah dan hikayat-hikayat yang boleh memberi pengajaran dan menambah pengetahuan (Haron Din dan Sobri Salamon, 1988).

Haron Din dan Sobri Salamon (1988) turut menjelaskan bahawa perkembangan pendidikan agama di Tanah Melayu telah mengalami empat tahap; 1) sistem belajar di rumah guru, 2) sistem pondok, 3) sistem madrasah dan 4) sistem sekular.

ii. Institusi pondok.

Sistem ini lahir akibat daripada pertambahan bilangan murid yang datang belajar di rumah guru (Haron Din dan Sobri Salamon, 1988). Oleh kerana keadaan rumah guru semakin sesak oleh pertambahan bilangan murid, timbul ide di kalangan guru untuk membina surau dan pondok-pondok di sekelilingnya bagi kemudahan tempat tinggal pelajar. Pelajar juga tidak perlu berulang alik ke rumah guru untuk belajar. Sebaliknya, segala pengajian dilakukan di surau berkenaan (Haron Din dan Sobri Salamon, 1988; Mahayudin Haji Yahaya, 2000).

Sistem ini telah mula berkembang di utara Tanah Melayu sejak awal abad ke-19 oleh ulama-ulama yang berpendidikan dari Pattani (Haron Din dan Sobri Salamon, 1988). Walaupun demikian, ada pendapat yang mengatakan ia diasaskan oleh imigran-imigran Indonesia ke Tanah Melayu, khususnya pondok-pondok yang lahir di Selangor, Perak dan Johor (Dorahim Maidin, 1997).

Di Selangor, institusi pondok hanya muncul pada suku pertama abad ke 20 yang diasaskan oleh imigran-imigran Indonesia. Tidak sebagaimana institusi pondok di Kelantan dan Kedah yang bermula sejak awal abad ke-19 dan dengan bilangan yang agak banyak, bilangan pondok yang yang dapat dikesan pernah wujud di negeri ini hanyalah sebanyak lima buah sahaja (Yamin Samar, 1990).

Yamin Samar (1990) dalam kajiannya berkenaan institusi pondok di Selangor telah mendedahkan bahawa pondok terawal yang diasaskan di negeri ini terletak di Batu

2, Kampung Sijangkang, iaitu Pondok Kiyai Ali, pada tahun 1927 atau 1930. Ia kemudiannya diikuti oleh penubuhan Pondok Kiyai Dardak pada tahun 1937, Pondok Kiyai Khalil di Kampung Lombong pada tahun 1940 (kemudiannya berpindah ke Batu Enam, Bukit Naga), Pondok Kiyai Hussin di Batu 1, Kampung Sijangkang pada tahun 1944 dan Pondok Kiyai Hairawi di Jalan Pulai, Kampung Kanchong Darat pada 1960 (Yamin Samar, 1990).

Institusi pondok di Selangor tidak banyak berbeza dengan institusi pondok di Kelantan, Patani mahupun di Kedah. Ia dibina di kawasan masjid atau surau yang dijadikan sebagai tempat atau pusat pengajian. Namun, berbeza dengan pondok-pondok di Kelantan, Pattani atau Kedah, pondok-pondok di Selangor adalah lebih besar dan mengandungi empat hingga enam buah bilik. Setiap bilik pula boleh memuatkan sehingga lima orang pelajar pada satu-satu masa (Yamin Samar, 1990). Oleh itu, pondok-pondok yang menjadi tempat penginapan pelajar di Selangor adalah seakan-akan seperti asrama penginapan pelajar.

Pondok-pondok yang dibina untuk penginapan pelajar ini pula adalah hasil gotong-royong penduduk setempat. Berbeza dengan pondok-pondok di Kelantan, Kedah atau Pattani, di mana pondok-pondok dibina oleh pelajar sendiri dan saiznya juga agak kecil (Yamin Samar, 1990).

Namun, institusi pondok di Selangor tidak bertahan lama. Ini adalah kerana ketiadaan pengganti kepada kiyai-kiyai pondok dan juga kerana kemunculan sekolah-

sekolah Arab yang ditadbir oleh kerajaan negeri melalui Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Selangor yang telah ditubuhkan pada tahun 1952 oleh Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah al-Haj, Sultan Selangor yang ke-6.

Dengan wujudnya sekolah agama dan sekolah arab kelolaan kerajaan negeri ini, bermulalah era di mana institusi sekolah agama dan sekolah arab telah berperanan menggantikan institusi pondok sebagai pusat perkembangan pendidikan Islam di negeri ini.

iii. Institusi Sekolah Agama atau Sekolah Arab

Ketiadaan rekod rasmi dan penyelidikan-penyeleidikan terdahulu berkenaan dengan sejarah penubuhan sekolah agama atau sekolah arab di Selangor menyebabkan hasrat penulis untuk memberikan gambaran tepat berkenaan penubuhan sekolah-sekolah ini menjadi sukar dan terbatas. Menurut Ustaz Sholehuddin Kayat¹, Timbalan Pengarah Pendidikan Islam, JAIS, kebakaran yang pernah berlaku di bangunan JAIS telah menyebabkan banyak rekod-rekod terdahulu telah musnah. Keadaan ini telah membataskan sumber-sumber rasmi dan menghadkannya kepada ingatan dan pengalaman beberapa orang tua yang mengikuti dan terlibat dengan sistem pendidikan ini di peringkat awal.

¹ Temuramah dengan Ustaz Sholehuddin bin Kayat, Timbalan Pengarah Pendidikan Islam, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS pada 15 Julai 2004, jam 04.00 petang di pejabat beliau.

Menurut Ustaz Solekhan Roup², pada peringkat awal, sekolah-sekolah agama peringkat rendah diadakan pada waktu petang dengan menumpang di bangunan-bangunan masjid di kampung-kampung di mana sekolah itu diadakan. Pada masa itu ia dikenali sebagai Sekolah Agama Petang (Ustaz Solekhan Roup, 2004).

Menurut Haji Mohd. Shamsudin Haji Amin³, imam Masjid Kampung Sijangkang, dalam tahun 1950, sebuah sekolah agama petang telah pun wujud di Kampung Sijangkang yang diasaskan oleh Ustaz Husin. Sekolah itu telah menumpang di bangunan masjid sebelum berpindah ke bangunan Sekolah Melayu (Sekolah Kebangsaan Sijangkang) di Pekan Batu Satu, Kampung Sijangkang. Pada masa itu juga, telah wujud banyak sekolah agama petang di kampung-kampung lain yang turut di bawah seliaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam.

Menurut Haji Mohd Shamsudin (2004) lagi, sebuah sekolah agama untuk kanak-kanak telah turut dibina di Pondok Kiyai Ali, yang dikenali sebagai Raudhotus Sibyan. Antara tenaga pengajar sekolah tersebut ialah Ustaz Halim, Ustaz Mashudi, Ustaz Ghafar dan Ustaz Bisri. Sekolah ini, bagaimanapun telah ditutup pada tahun 1963 seiring dengan tertutupnya Pondok Kiyai Ali.

² Temuramah dengan Ustaz Solekhan bin Roup, Penolong Pengarah, Unit Bestari dan Teknopen, Sektor Pengurusan Sekolah, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS pada 14 dan 15 Julai 2004, jam 03.00 petang di pejabat beliau.

³ Temuramah dengan Ustaz Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Amin, Imarn Satu Masjid Jami' al-Ikhsani, Kampung Sijangkang pada 16 Julai 2004, jam 10.00 malam di rumah beliau di Kampung Sijangkang. Beliau merupakan bekas pelajar sekolah Raudhotus Sibyan dan pernah belajar di Maahad Hishamuddin, Klang sejak tahun 1955. Menjadi guru JAIS pada tahun 1960 hingga tahun 1993.

Kenyataan itu telah turut disokong oleh kajian yang telah dijalankan oleh Yamin Samar (1990). Walaupun demikian, beliau menyatakan bahawa madrasah tersebut telah diadakan di Pondok Kiyai Hussin dan dikenali sebagai ‘Madrasah al-Sibyan’ yang berfungsi sebagai taman didikan kanak-kanak. Ia bertujuan untuk membimbing kanak-kanak untuk mempelajari asas-asas agama yang tidak dapat diberikan oleh institusi pondok yang menumpukan pendidikan kepada golongan yang agak dewasa (Yamin Samar, 1990).

Menurut Haji Mohd. Shamsudin (2004), hasrat dan ide penubuhan sekolah agama atau sekolah arab yang dikelolakan oleh kerajaan negeri ini sebenarnya dicetuskan oleh ayahanda Sultan Sir Hishamuddin Alam Shah al-Haj, Sultan Alauddin Sulaiman Shah al-Haj sejak sebelum Perang Dunia Kedua lagi. Sekolah ini dikenali sebagai Sekolah Arab Klang dan telah diadakan di istana Baginda di Klang bagi mengajar agama kepada orang-orang dewasa pada masa itu. Menurut Haji Mohd. Shamsudin lagi, Sheikhl Islam daripada Mekah telah dibawa oleh Baginda Sultan sendiri untuk mengajar di sekolah berkenaan. Sekolah inilah yang kemudiannya menjadi asas kepada penubuhan Maahad Hishamuddin di Klang.

Penubuhan Kolej Islam Malaya pada bulan Februari, 1955 (PNSB, 1993) yang telah menjadikan istana berkenaan sebagai kampusnya telah menyebabkan Sekolah Arab Klang berpindah ke Surau Jalan Telok Pulai. Pada tahun 1956, sekolah tersebut telah berpindah ke bangunannya yang baru dan kekal di Jalan Tepi Sungai dan mula dikenali

sebagai Maahad Hishamuddin. Walaupun begitu, maahad ini hanya terbuka untuk pelajar lelaki sahaja (Haji Mohd. Shamsudin, 2004).

Sekolah arab untuk pelajar perempuan pula dijalankan di istana sultan di Klang dan dikenali sebagai Maahad Ampuan Jemaah. Maahad ini kemudiannya berpindah ke bangunan yang baru di Kampung Jawa dan dikenali sebagai Maahad Hishamuddin Kampung Jawa pada tahun 1974 (Haji Mohd. Shamsudin, 2004).

Sebelum tahun 1955, sebuah sekolah arab yang dikenali sebagai Maahad ‘Unwanus Saadah yang terletak di Kanchong Darat telah pun dibina. Malangnya, tidak ada catatan rasmi yang menunjukkan tarikh pembinaan sekolah tersebut.

Kenyataan-kenyataan daripada Haji Mohd. Shamsudin dan Ustaz Solekhan ini telah disokong oleh catatan yang menunjukkan bahawa pada awal tahun 1960-an, ketigatiga buah sekolah arab tersebut telah mula beroperasi di tapak yang ada sekarang (JAIS, 2004; Yamin Samar, 1990). Kedua-dua jenis sekolah ini, sekolah agama petang dan sekolah arab, telah dikelolakan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Isitiadat Melayu Selangor (MAIS) pada masa itu.

Kemudian, bermula pertengahan dekad 60-an, sekolah agama petang dan sekolah arab telah mula dikelolakan oleh JAIS. Sekolah-sekolah itu kemudiannya dikenali sebagai Sekolah Rendah Agama (SRA) dan Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) (Solekhan Roup, 2004). Sejak daripada itu,

perkembangan SRA dan SMA/T kelolaan kerajaan negeri menjadi semakin pesat dengan penubuhan lebih banyak sekolah rendah dan menengah di seluruh daerah di negeri Selangor.

Sehingga kini, sebanyak 22 buah sekolah menengah agama dan 186 buah sekolah rendah agama telah terbina di seluruh daerah di Negeri Selangor yang berfungsi untuk memberikan pendidikan agama untuk anak-anak Islam di negeri ini (JAIS, 1997).

4. Sekolah Agama Menengah (SAM) Negeri

Sehingga tahun 2004, sebanyak 22 buah sekolah agama menengah negeri telah dibina dan diwujudkan di seluruh Selangor yang memberikan pendidikan kepada sejumlah 13,309 orang pelajar (Solekhan Roup, 2004). Jumlah guru yang sedang berkhidmat di sekolah-sekolah ini pula ialah seramai 917 orang yang berkelulusan dari dalam dan luar negeri, khususnya dari universiti-universiti di Timur Tengah (Solekhan Roup, 2004).

Penubuhan sekolah-sekolah agama menengah (SAM) di negeri ini terbahagi kepada dua; sekolah agama menengah tinggi (SMAT) dan sekolah agama menengah (SAM). SAMT adalah sekolah-sekolah yang menawarkan pelajaran sehingga ke tingkatan enam atas, manakala SAM hanya menawarkan pelajaran sehingga tingkatan lima sahaja. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut (Bahagian Pendidikan Islam, JAIS) ;

Daerah Klang

1. SAMT Hishamuddin, Kampung Jawa
2. SAM Hishamuddin, Sungai Bertek

Daerah Sabak Bernam

3. SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Sabak Bernam
4. SAM Muhammadiyah, Batu 40, Sabak Bernam
5. SAM Tengku Ampuan Jemaah, Sungai Besar
6. SAM Bagan Terap, Bagan Terap
7. SAM Parit Baru, Sungai Air Tawar
8. SAM Pasir Panjang, Sekinchan
9. SAM Sungai Haji Dorani, Sungai Besar

Daerah Gombak

10. SAM Rawang

Daerah Hulu Langat

11. SAM Hulu Langat

Daerah Hulu Selangor

12. SAM Sungai Selisek
13. SAMT Kuala Kubu Bharu

Daerah Kuala Langat

14. SAMT Tengku Ampuan Rahimah, Sungai Manggis
15. SAM Unwanus Saadah, Kanchong Darat

Daerah Kuala Selangor

16. SAM Jeram

17. SAM Seri Desa, Tanjung Karang

Daerah Petaling

18. SAM Paya Jaras, Sungai Buloh

19. SAMT Tengku Ampuan Jemaah, Shah Alam

20. SAM Bestari, Subang Jaya

21. SAM Nurul Iman, Bukit Cerakah

Daerah Sepang

22. SAM Sungai Merab Luar, Sepang

5. Struktur Pentadbiran SAM Negeri

a. Peringkat jabatan

Menurut Ustaz Solekhan Roup (2004), pentadbiran SAM/SAMT di negeri Selangor adalah di bawah tadbiran Bahagian Pendidikan, JAIS yang diketuai oleh seorang Timbalan Pengarah Pendidikan Islam (TPPI) yang bertanggungjawab terus kepada Pengarah JAIS. Tugas TPPI dibantu oleh satu unit pentadbiran bagi segala urusan pentadbiran pejabat dan surat menyurat.

Struktur organisasi dan pengurusan Bahagian Pendidikan Islam (BPI), JAIS dibahagikan kepada enam sektor utama; Sektor Perkhidmatan Guru, Sektor Kurikulum, Sektor Pengurusan Sekolah, Sektor Peperiksaan dan Penilaian, Sektor Pembangunan Kemanusiaan dan Sektor Naziran (Solekhan Roup, 2004).

Sektor Perkhidmatan Guru bertanggungjawab untuk menguruskan segala hal yang bersangkutan dengan perlantikan dan perjawatan guru-guru di bawah JAIS. Sektor ini turut bertanggungjawab untuk membayar gaji guru dan mengenakan tindakan tatatertib dan kaunseling kepada guru yang bermasakah. Sektor ini dibahagikan kepada unit-unit berikut; Unit Tatatertib dan Naik Pangkat, Unit Latihan, Unit Penilaian Tahap Kecekapan, Unit Data, Unit Gaji dan Elaun dan Unit Perkhidmatan Guru (Solekhan Roup, 2004).

Bidang kurikulum pula dikawalselia oleh Sektor Kurikulum, BPI, JAIS. Sektor ini bertanggungjawab untuk menyelia dan mengenalpasti kurikulum yang akan dilaksanakan di sekolah agama rendah dan sekolah agama menengah JAIS. Ia turut bertanggungjawab terhadap buku teks yang digunakan di sekolah-sekolah JAIS. Sektor ini dibantu oleh Unit Kurikulum Kebangsaan, Unit Kurikulum Agama dan Unit Bestari dan Teknopen (Solekhan Roup, 2004).

Sektor Pengurusan Sekolah pula bertanggungjawab terhadap perancangan, pembangunan dan pengurusan sekolah-sekolah JAIS. Sektor ini dibahagikan kepada Unit Pendaftaran dan Perhubungan, Unit Sekolah Menengah, Unit Sekolah Rendah Agama, Unit Sekolah Rendah Agama Integrasi/TAKIS dan Unit KAFA Integrasi (Solekhan Roup, 2004).

Perkara-perkara yang berhubung dengan hal ehwal pelajar, masalah disiplin dan salah laku serta aktiviti kokurikulum adalah di bawah tanggungjawab Sektor

Pembangunan Kemanusiaan. Sektor ini turut menguruskan pelajar-pelajar yang akan melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi, khususnya di luar negara. Sektor ini dibantu oleh Unit Kokurikulum, Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Pendidikan Lanjutan (Solekhan Roup, 2004).

Sesuai dengan namanya, Sektor Peperiksaan dan Penilaian bertanggungjawab untuk menyelia dan mentadbir segala urusan yang berhubung dengan peperiksaan-peperiksaan awam dan peperiksaan kelolaan JAIS. Sektor ini turut dibahagikan kepada Unit Peperiksaan dan Unit Analisis (Solekhan Roup, 2004).

Sektor yang terakhir ialah Sektor Naziran yang berperanan untuk melakukan aktiviti pemantauan dan naziran di sekolah-sekolah JAIS untuk memastikannya berfungsi dan menjalankan aktiviti sebagaimana yang telah ditetapkan oleh BPI, JAIS. Sektor ini dibahagikan kepada Unit Perancangan dan Pembangunan dan Unit Pemantauan Sekolah. (Solekhan Roup, 2004).

Kesemua sektor dan unit-unit dalam BPI ini pula mempunyai kaitan dengan Unit Kualiti dan Dokumentasi. Unit ini bertanggungjawab untuk memastikan segala urusan dan pentadbiran yang dijalankan oleh BPI memenuhi kriteria MS ISO 9001:2000 (Solekhan Roup, 2004).

b. Peringkat sekolah

Di peringkat sekolah, struktur pentadbirannya tidak banyak berbeza jika dibandingkan dengan sekolah-sekolah menengah yang biasa. Di sekolah, pentadbirannya diketuai oleh seorang pengetua dan dibantu oleh seorang penolong kanan satu dan seorang penolong kanan hal ehwal murid (HEM) dan seorang ketua warden (Jaafar Kitah⁴, 2004).

Satu aspek menarik dalam pengurusan sekolah-sekolah agama JAIS ialah wujudnya badan yang dinamakan Majlis Syura yang turut berperanan membantu pengetua mentadbir sekolah. Majlis ini berperanan untuk membuat keputusan berhubung perkara-perkara dasar sekolah, hal ehwal kewangan dan isu-isu semasa yang memerlukan pandangan majlis ini. Anggota tetap majlis ini terdiri daripada pengetua, kedua-dua penolong kanan dan beberapa orang guru yang telah lama berkhidmat di sekolah berkenaan (Sapuan Mohamad, 2004)⁵. Walaupun demikian, terdapat beberapa buah sekolah yang tidak mengaktifkan majlis ini. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa penubuhan majlis ini adalah berdasarkan kepada keperluan sekolah masing-masing dan sebagai sesuatu yang mesti dilaksanakan di peringkat sekolah.

Pengurusan mata pelajaran atau kurikulum adalah di bawah tanggungjawab penolong kanan satu. Perkara-perkara yang berkaitan dengan pelajar dan masalah

⁴ Temuramah dengan Ustaz Jaafar Kitah, Penolong Kanan Satu, SAM Muhammadiyah pada 10 Ogos 2004 jam 10.00 pagi di pejabat beliau.

⁵ Temuramah dengan Ustaz Sapuan Mohamad, Pengetua SAMT Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 10 Ogos 2004 jam 08.00 pagi di pejabat beliau.

disiplin dan pengurusan asrama adalah di bawah penyeliaan penolong kanan HEM (Jaafar Kitah, 2004).

Turut diwujudkan ialah jawatan ketua-ketua bidang yang bertanggungjawab untuk menyelia dan mengawasi perjalanan panita-panitia mata pelajaran yang ditawarkan di SAM dan SAMT. Selain itu, jawatan guru penasihat bagi persatuan-persatuan, badan-badan beruniform dan kelab-kelab turut diadakan bagi menyelia dan menyelaras aktiviti-aktiviti kokurikulum pelajar (Jaafar Kitah, 2004).

6. Kurikulum SAM

Kurikulum yang dilaksanakan di SAM, JAIS adalah kurikulum yang menggabungkan antara Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah, Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kurikulum Universiti al-Azhar, Mesir (BPI, JAIS, 2004). Penggabungan dua bentuk kurikulum ini bertujuan agar pelajar-pelajar SAM dapat mengambil peperiksaan awam anjuran Kementerian Pelajaran Malaysia dan peperiksaan Kurikulum al-Azhar yang dikelolakan oleh BPI, JAIS (BPI, JAIS, 2004).

Menurut Ustaz Mohd Jaafar Komari⁶, kurikulum yang dilaksanakan di SAM, JAIS terbahagi kepada tiga ; Tingkatan Satu hingga Tiga, Tingkatan Empat hingga Lima dan Tingkatan Enam Bawah hingga Enam Atas. Kurikulum bagi tingkatan empat dan lima pula terbahagi kepada empat pakej; pakej 2 (a), 2 (c), 2 (e) dan selain 2 (a), (c), (e). Kurikulum bagi tingkatan enam pula terbahagi kepada dua; pakej Sijil Tinggi Agama

⁶ Temuramah dengan Ustaz Mohd Jaafar Komari, Ketua Penolong Pengarah, Sektor Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS pada 15 Julai 2004, jam 03.30 petang di pejabat beliau.

Malaysia (STAM) dan pakej Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) (Mohd Jaafar Komari, 2004). (Untuk senarai penuh mata pelajaran yang ditawarkan, sila lihat Lampiran)

7. Jadual Waktu SAM

Oleh kerana mata pelajaran yang ditawarkan di bawah kurikulum SAM melibatkan jumlah yang lebih besar berbanding sekolah menengah di bawah kementerian, jumlah waktu seminggu yang dilaksanakan oleh sekolah ini juga meningkat. Daripada maklumat yang disediakan oleh Sektor Kurikulum, Bahagian Pendidikan Islam, JAIS, jumlah waktu seminggu bagi sekolah ini ialah sebanyak 50 waktu, berbanding dengan sekolah menengah biasa di antara 39 hingga 40 waktu seminggu.

Keadaan ini menyebabkan jumlah minit bagi setiap waktu pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas juga berkurangan bagi mengelakkan daripada tempoh persekolahan rasmi menjadi terlalu panjang. Jumlah minit bagi setiap waktu adalah sebanyak 30 minit sahaja berbanding 40 minit bagi sekolah menengah biasa (BPI, JAIS, 2004). (Untuk contoh jadual waktu Lihat Lampiran)

‘Kesesakan kurikulum’ ini juga telah menyebabkan peruntukan-peruntukan waktu bagi setiap mata pelajaran yang ditawarkan oleh sekolah-sekolah ini telah diubahsuai mengikut keperluan dan kepentingan semasa. Sebagai contoh, bagi mata pelajaran PQS, Huraian Sukatan Pelajaran bagi mata pelajaran ini dengan jelas menyatakan bahawa ia hendaklah diperuntukkan sebanyak empat waktu dalam jadual rasmi persekolahan

(JAPIM, KPM, 2002). Praktisnya di sekolah-sekolah ini, peruntukan waktunya berubah-ubah mengikut tingkatan dan aliran pakej yang diambil oleh pelajar.

Bagi tingkatan empat pakej (a) dan (c), waktu yang diperuntukkan untuk PQS ialah sebanyak dua masa sahaja, manakala untuk pakej (e) dan pakej selain (a), (c) dan (e) pula diuntukkan tiga masa. Peruntukan waktu ini berubah di tingkatan lima. Di tingkatan lima, pakej (a) masih diuntukkan dua masa, tetapi pakej-pakej yang lain diuntukkan pula empat masa (BPI, JAIS, 2004). Perkara yang sama turut berlaku kepada mata pelajaran-mata pelajaran yang lain. (Rujuk lampiran senarai mata pelajaran)

Oleh kerana terdapat perbezaan peruntukan waktu dan jumlah minit bagi setiap waktu antara sekolah menengah di bawah kementerian dan JAIS khususnya bagi mata pelajaran PQS, maka kajian wajar dilakukan bagi mendapatkan gambaran sebenar mengenai pelaksanaan pengajaran mata pelajaran PQS di sekolah-sekolah kelolaan JAIS. Kajian turut wajar dijalankan dalam bidang pengajaran tilawah al-Quran dalam mata pelajaran ini memandangkan kurikulum sekolah JAIS turut memperkenalkan mata pelajaran al-Quran dalam kurikulumnya dalam usaha untuk memastikan pelajar-pelajar mampu untuk membaca al-Quran dengan baik.